

05 JUL 2000

Setiausaha

TIGA SETIAUSAHA POLITIK BARU ANGKAT SUMPAH

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Tiga orang Setiausaha Politik baru hari ini mengangkat sumpah di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu upacara ringkas di pejabat Perdana Menteri di sini.

Mereka ialah Mahdzir Khalid iaitu Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Abdul Mutalib Alias iaitu Setiausaha Politik Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Malike Mahli, Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi.

Selain mengangkat sumpah memegang jawatan, mereka juga mengangkat sumpah menyimpan rahsia.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali turut menyaksikan upacara itu.

Mahdzir, 40, berasal dari Pokok Sena, Kedah adalah lulusan Ijazah Sarjana Pendidikan dari Universiti Sains Malaysia dan pernah bertugas sebagai pegawai khas pembangunan di pejabat Menteri Besar Kedah.

Beliau adalah Pengarah Unit Seranta Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sebelum dilantik ke jawatan sekarang.

Mahdzir menggantikan Datuk Haji Abdul Fatah Abdullah yang meninggal dunia pada 14 Okt tahun lepas.

Mahdzir, yang sudah berkahwin dan mempunyai empat anak, pernah menjadi Setiausaha Biro Penerangan Umno Kedah dan Ketua Penerangan Umno Pokok Sena.

Abdul Mutalib, 39, pula pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden Kewangan Korporat Chase Manhattan Bank selama lima tahun. Beliau tidak mempunyai sebarang penglibatan dalam politik.

Malike, 42, bekas ahli perniagaan, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Seni Bina (Kepujian) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Beliau adalah Pengarah Urusan Endaya Construction Sdn Bhd di Kuching sebelum dilantik ke jawatan sekarang.

Malike, yang sudah berkahwin dan mempunyai dua anak, merupakan Setiausaha Bahagian Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) bagi Dewan Undangan Negeri kawasan Dalat.

-- BERNAMA

AKT AHH NAK